

LARANGAN PENGAMBILAN PELATIH MELALUI AGEN PENGAMBILAN PELATIH

Dimaklumkan bahawa Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran (PTPK), Kementerian Sumber Manusia **TIDAK MEMPUNYAI KAITAN** dengan sebarang syarikat / individu yang membuat sesi temu duga pengambilan pelatih untuk mengikuti program Sijil Kemahiran Malaysia (SKM), Diploma Latihan Kemahiran Malaysia (DLKM) dan Diploma Lanjutan Latihan Kemahiran (DLKM).

Penggunaan logo dan nama PTPK di kepala surat sesi temu duga pengambilan pelatih **TELAH DISALAHGUNAKAN** oleh syarikat / individu tertentu untuk menarik perhatian orang awam bagi mengikuti sesi temu duga pengambilan pelatih tersebut.

SILA AMBIL PERHATIAN bahawa Perbadanan ini tidak menjanjikan untuk memberi Pinjaman Latihan Kemahiran (PLK) melalui aktiviti yang dinyatakan ini **KECUALI** kepada Penyedia Latihan (PL) yang berdaftar dengan Perbadanan ini. Perbadanan ini juga tidak **BERTANGGUNGJAWAB** ke atas akibat dan kerugian yang dihadapi setelah mengikuti sesi temu duga pengambilan pelatih sedemikian.

Selaras dengan keputusan Ketua Pengarah JPK melalui surat bil. JPK 100-3/1/2 Jld 4 () bertarikh 09 Mac 2011, Ketua Eksekutif Perbadanan ini juga telah memutuskan supaya semua PL yang berdaftar dengan Perbadanan ini **TIDAK MENGGUNAKAN KHIDMAT MANA-MANA AGEN PENGAMBILAN PELATIH** bagi tujuan kemasukan pelatih ke PL masing-masing bagi membendung aktiviti yang tidak bertanggungjawab ini.

Tindakan undang-undang di bawah **SEKSYEN 72 dan 73, AKTA TABUNG PEMBANGUNAN KEMAHIRAN 2004 (AKTA 640)** akan terus diambil kepada syarikat / individu atau PL yang berdaftar dengan Perbadanan ini sekiranya didapati melakukan perkara seumpama ini.

**CAWANGAN ADUAN DAN PENGUATKUASAAN,
PERBADANAN TABUNG PEMBANGUNAN KEMAHIRAN,
KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA.**